## Nilai eksport 6 negeri naik bulan lalu

**Prestasi** eksport di kebanyakan negeri pada Februari mencatat penurunan didahului Pulau Pinang (-RM2.2 bilion), Kuala Lumpur (-RM1.2 bilion), Johor (-RM658.5 juta), Sabah (-RM368.4 juta), Labuan (-RM343.7 juta), Kelantan (-RM182.9 juta), Melaka (-RM156.4 juta), Negeri Sembilan (-RM139.8 juta) dan Perlis (-RM15.9 juta).

Bagaimanapun, nilai eksport meningkat di Sarawak sebanyak RM2.1 bilion, Selangor (RM460.3 juta), Perak (RM446.2 juta), Pahang (RM390.8 juta), Terengganu (RM361.4 juta) dan Kedah (RM234.6 juta).

"Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama dengan sum-

bangan 28 peratus, diikuti oleh Johor (21.1 Selangor peratus). (18.2 peratus), Sarawak (10.6 peratus) dan Kuala Lumpur (4.3 peratus)," kata Jabatan Statistik Malaysia (DOSM) dalam satu kenyataan.

Malaysia mencatatkan jumlah perdagangan RM211.8 bilion pada Februari dengan eksport dan import

masing-masing bernilai RM111.3 bilion dan RM100.5 bilion.

Ketua Perangkawan Malaysia. Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata prestasi eksport



Mohd Uzir Mahidin

(+8.4 peratus) berbanding bulan vang

sama pada 2023. "Peningkatan import disebabkan oleh import yang lebih tinggi di kebanyakan negeri iaitu Kuala Lumpur (+lRM2.3 bilion), Selang-

Malaysia pada Febru-

RM111.3 bilion, me-

nurun RM939.5 juta

(-0.8 peratus) berban-

ding bulan sama ta-

Katanya, beralih

kepada prestasi im-

port mengikut nege-

ri, import pada bulan

Februari 2024 me-

ningkat RM7.8 bilion

hun sebelumnya.

2024 bernilai

or (RM1.2 bilion), Pulau Pinang (RM1.1 bilion), Negeri Sembilan (RM1.0 bilion), Kedah (RM1.0 bilion), Sarawak (RM599.6 juta), Johor (RM426.9 juta), Labuan (RM285.4 juta), Sabah (RM281.6 juta) dan Perak (RM155.7 juta).

"Bagaimanapun, nilai import iatuh di Melaka sebanyak RM621.5 juta, Pahang (-RM171.8 juta), Kelantan (-RM34.8 juta), Perlis (-RM27.2 juta) dan Terengganu (-RM23.6 juta).

"Selangor terus mendominasi import Malaysia dengan sumbangan 25.3 peratus, diikuti oleh Johor (24.4 peratus), Pulau Pinang (20.9 peratus), Kuala Lumpur (8.1 peratus) dan Kedah (5.6 peratus)," katanya.